

SINAR HARIAN 26/8/2022 M/S: 12

Hab umrah: Malaysia perlu perbanyak penerbangan terus ke Jeddah

KUALA LUMPUR - Malaysia perlu mem-banyakan lagi penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke Jeddah dalam usaha menyokong sasaran untuk negara menjadi hab umrah yang menghimpunkan jemaah dari seluruh dunia, khususnya di rantau Asia.

Presiden Persatuan Agensi Pelancongan Umrah dan Haji (PAPUH), Datuk Seri Razali Mohd Sham berkata, langkah itu amat perlu memandangkan ketika ini jumlah penerbangan terus ke Jeddah oleh syarikat penerbangan sedia ada adakala tidak mencukupi walaupun untuk penduduk tempatan.

"Sebab itu penerbangan terus ke Jeddah atau penerbangan transit ke negara-negara Timur Tengah perlu diper-banyakan bagi menggalak kedatangan jemaah umrah dari negara-negara ser-rantau," katanya kepada *Bernama*.

Tambahnya, ketika ini, hanya terdapat beberapa syarikat penerbangan yang mempunyai perkhidmatan tersebut, antaranya Malaysia Airlines, AirAsia dan

Batik Air.

Bagaimanapun, ujar Razali, tiket penerbangan yang ditawarkan adalah kurang berbanding permintaan, memandangkan beliau mendakwa wujudnya 'kartel umrah' yang membolot tiket penerbangan melibatkan pakej umrah dan haji di negara ini.

Menurutnya, ia berlaku apabila sebahagian besar jumlah tiket ditawarkan syarikat penerbangan dibolot beberapa syarikat besar atau pihak ketiga sehingga menyebabkan kenaikan harga tiket yang melambung tinggi.

"Suku pertama tahun ini sahaja se-banyak 400,000 visa umrah dikeluarkan. Jumlah mereka yang ingin mengerjakan umrah amat tinggi sebab tertangguh ber-ikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikenakan sebelum ini," ulasnya.

Baru-baru ini, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Tiong King Sing berkata, kementerianya berhasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai hab umrah dengan mempromosikan program



“

Suku pertama tahun ini sahaja sebanyak 400,000 visa umrah dikeluarkan. Jumlah mereka yang ingin mengerjakan umrah amat tinggi sebab tertangguh berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikenakan sebelum ini.”

- Razali

itu ke negara tumpuan seperti China, Korea, Jepun, Thailand, Filipina dan Indonesia.

Menurut King Sing, objektif program itu bukan sahaja demi memberi manfaat dari sudut pertumbuhan ekonomi negara tetapi juga bertujuan mempromosi Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang membangun dan berdaya saing se-

laras konsep Malaysia Madani.

Dalam pada itu, Razali turut melahir-kan keyakinan cadangan berkenaan yang akan diterajui Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Khairul Firdaus Akhbar Khan mampu direalisasikan dengan baik menerusi libat urus ber-sama pemain industri bagi mendapatkan pelbagai input serta cadangan bernas.